

FAKTOR-FAKTOR PENGABAIAAN NAFKAH ANAK DI MAHKAMAH SYARIAH MELAKA

Abdul Karim Ibrhim *

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia
Email: abdulkarim@unimel.edu.my

Mohd Sabree Nasri

Fakulti Undang-Undang, Governan, Dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Islam Melaka
Email: mohdsabree@unimel.edu.my

** Corresponding Author*

Received Date: 17 October 2025

Accepted Date: 28 November 2025

Published Date: 31 December 2025

Abstrak

Pengabaian nafkah anak merupakan isu berterusan yang sering dibangkitkan oleh isteri yang telah diceraikan, meskipun peruntukan undang-undang berkaitan nafkah telah wujud. Kelemahan dalam penguatkuasaan perintah nafkah, khususnya apabila bekas suami atau bapa gagal mematuhi perintah Mahkamah Syariah, telah memberi kesan negatif kepada kebajikan anak dan kesejahteraan masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya pengabaian nafkah anak dalam kalangan pihak yang terlibat di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif melalui pengedaran borang soal selidik kepada 50 orang responden yang dipilih secara rawak, di samping analisis dokumen kes serta bahan ilmiah berkaitan. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 18.0 dan *Microsoft Excel 2010*. Dapatan kajian menunjukkan tahap pemahaman responden terhadap kewajipan nafkah anak adalah tinggi. Namun demikian, faktor pendapatan rendah dan pertambahan komitmen baharu dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada pengabaian nafkah anak. Kajian ini menegaskan keperluan meningkatkan kesedaran masyarakat serta memperkukuh peranan Bahagian Sokongan Keluarga dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah.

Kata kunci: *Pengabaian nafkah, nafkah anak, Mahkamah Syariah, Bahagian Sokongan Keluarga*

FACTORS CONTRIBUTING TO CHILD MAINTENANCE NEGLECT IN THE SYARIAH COURT OF MELAKA

Abstract

Child maintenance neglect is an ongoing issue frequently raised by divorced wives, despite the existence of legal provisions governing maintenance. Weaknesses in the enforcement of maintenance orders, particularly when former husbands or fathers fail to comply with Syariah Court orders, have adversely affected child welfare and societal well-being. This study aims to identify the factors contributing to child maintenance neglect among parties involved in the Syariah Court of the State of Melaka. The study adopts both quantitative and qualitative approaches through the distribution of questionnaires to 50 randomly selected respondents, alongside the analysis of case documents and relevant scholarly materials. Data were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 18.0 and Microsoft Excel 2010. The findings indicate that respondents demonstrate a high level of understanding regarding their obligation to provide child maintenance. Nevertheless, low income and the increase in new financial commitments were identified as the main factors contributing to child maintenance neglect. The study underscores the need to enhance public awareness and to strengthen the role of the Family Support Division in the implementation and enforcement of maintenance orders.

Keywords: *Maintenance neglect, child maintenance, Syariah Court, Family Support Division*

PENGENALAN

Pengabaian nafkah anak merupakan isu yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, khususnya dalam konteks pasca perceraian. Nafkah anak merujuk kepada kewajipan seorang bapa untuk menyediakan keperluan asas anak-anaknya, termasuk makanan, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan, tanpa mengira status perkahwinan ibu bapa. Kewajipan ini bukan sahaja ditetapkan oleh hukum syarak, malah diperuntukkan secara jelas dalam perundangan keluarga Islam di Malaysia bagi menjamin kebajikan dan kesejahteraan anak-anak (Hashim, et.al, 2019)

Walau bagaimanapun, realiti menunjukkan bahawa pengabaian pembayaran nafkah anak masih berlaku secara berleluasa. Selepas perceraian, terdapat segelintir bapa yang gagal atau enggan menunaikan tanggungjawab nafkah, sama ada disebabkan oleh faktor kewangan, pertambahan komitmen baharu, sikap tidak bertanggungjawab, atau kelemahan dalam penguatkuasaan perintah Mahkamah Syariah (Sulaiman, F.et. al, 2006). Keadaan ini bukan sahaja memberi kesan langsung terhadap kebajikan anak-anak, malah turut menimbulkan implikasi sosial dan ekonomi terhadap ibu serta masyarakat secara keseluruhannya.

Dalam konteks ini, Mahkamah Syariah memainkan peranan penting dalam menangani isu pengabaian nafkah anak melalui pengeluaran perintah nafkah serta mekanisme penguatkuasaan yang disediakan. Namun, peningkatan kes pengabaian nafkah yang direkodkan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka menunjukkan bahawa permasalahan ini masih belum ditangani secara menyeluruh dan berkesan (Ruzmi et.al, 2025). Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada pengabaian pembayaran nafkah anak dengan merujuk

kepada kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka, di samping meneliti isu tersebut menurut perspektif syarak. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan dasar, pelaksanaan undang-undang, serta usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pematuhan kewajipan nafkah anak.

NAFKAH ANAK DALAM KONTEKS ISLAM

Istilah *nafkah* lazim digunakan dalam Bahasa Melayu, manakala dalam Bahasa Arab ia dikenali sebagai *nafaqah*. Perkataan *nafaqah* berasal daripada kata kerja *anfaqa–yunfiqu–infaqan* yang membawa maksud membelanjakan atau mengeluarkan harta. Menurut *Kamus Dewan*, nafkah merujuk kepada wang atau perbelanjaan yang diperlukan untuk kelangsungan hidup, termasuk keperluan asas seperti makanan dan keperluan harian. Selain itu, nafkah juga ditakrifkan sebagai perbelanjaan yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya, yang merangkumi nafkah zahir seperti perbelanjaan hidup dan nafkah batin yang berkaitan dengan hak perhubungan suami isteri (Ismail, et.al, 2024).

Dalam konteks bahasa Arab, istilah *al-infaq* membawa maksud menghabiskan atau membelanjakan harta, manakala *al-nafaqah* merujuk kepada perbelanjaan yang digunakan untuk kelangsungan hidup. Menurut *Mu‘jam al-Wasit*, *al-infaq* bermaksud *al-ikhraj* iaitu mengeluarkan sesuatu. Walau bagaimanapun, istilah *al-nafaqah* lebih khusus digunakan dalam konteks kebajikan, iaitu perbelanjaan harta bagi memenuhi keperluan asas pihak yang berada di bawah tanggungan seseorang (Al-Zuhaily, 1997).

Menurut Syeikh Abdullah al-Hijazi (1997) dalam *Hashiah al-Sharqawiy*, nafkah menurut Mazhab al-Shafi‘i ditakrifkan sebagai keperluan berbentuk makanan yang wajib disediakan oleh suami kepada isterinya dan khadamnya, serta kepada pihak lain yang berada di bawah tanggungannya seperti anak, hamba dan haiwan, mengikut kadar keperluan masing-masing. Definisi ini menunjukkan bahawa konsep nafkah dalam Islam bukan sekadar terbatas kepada makanan dan pakaian semata-mata, bahkan meliputi keperluan asas lain yang menjamin kelangsungan hidup.

Pandangan ini selaras dengan rumusan ulama fiqh yang membahagikan nafkah kepada beberapa komponen utama, antaranya makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan, pendidikan dan perkhidmatan yang diperlukan, bergantung kepada keadaan serta keperluan penerima nafkah (Sayyid Sabiq, 1973). Oleh itu, kefahaman yang menyempitkan konsep nafkah hanya kepada aspek pemakanan dan pakaian adalah tidak selari dengan tuntutan syarak yang lebih menyeluruh.

Dalam konteks Islam, tanggungjawab menyediakan nafkah kepada anak-anak merupakan suatu kewajipan yang tidak boleh dipertikaikan dan wajib dipikul oleh bapa. Kewajipan ini ditegaskan melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Talaq ayat 7:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۖ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُئْتِنَقْ مِمَّا ءَاتَاهُ اللَّهُ لَا يُلْفِئُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَّا ءَاتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Maksudnya: *Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar*

kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan

Dalam ayat ini, Allah memerintahkan agar seseorang yang berkemampuan memberi nafkah menurut kadar kemampuannya, manakala mereka yang berada dalam kesempitan hendaklah memberi nafkah berdasarkan apa yang dikurniakan oleh Allah SWT. Ayat ini menunjukkan bahawa kewajipan nafkah tetap ditunaikan mengikut kemampuan, tanpa menghapuskan tanggungjawab tersebut.

Selain itu, Allah SWT turut menegaskan tanggungjawab bapa terhadap kebajikan anak-anak dalam Surah al-Baqarah ayat 233 yang bermaksud: *"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun penuh bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajipan ayah memberi makan dan pakaian kepada ibu dengan cara yang baik."* (Surah Al-Baqarah 2:233)

Ayat ini mewajibkan bapa menyediakan makanan dan pakaian kepada ibu yang menyusukan anak dengan cara yang baik. Berdasarkan tafsiran al-Maraghiy, huruf *lam* (ل) pada lafaz *liyunfiq* membawa maksud *lam al-amr* yang menunjukkan suatu perintah yang bersifat tuntutan. Justeru, pemberian nafkah kepada anak-anak, termasuk melalui ibu yang menyusukan mereka, merupakan kewajipan syarie yang bergantung kepada kemampuan bapa serta keperluan anak sebagai penerima nafkah.

PENGABAIAN NAFKAH ANAK DALAM KONTEKS ISLAM

Kegagalan melaksanakan tanggungjawab dan menunaikan hak anak-anak berpotensi menyebabkan berlakunya pengabaian serta kezaliman terhadap kanak-kanak. Islam menegaskan kepentingan mendahulukan kebajikan anak-anak, termasuk dalam aspek perbelanjaan dan pemberian nafkah. Rasulullah SAW telah mengarahkan umat Islam agar mengutamakan anak-anak dalam pengurusan kewangan dan perbelanjaan harian. Perkara ini dinyatakan dalam *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i* karya Imam al-Shirazi (1996), melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA daripada Rasulullah SAW lantas bertanya, *"Wahai Rasulullah, aku mempunyai satu dinar, Baginda menjawab, "Gunakanlah sahaja untuk dirimu", Katanya lagi, "Aku masih mempunyai yang lain". Baginda SAW menjawab, "Gunakanlah untuk anakmu". Katanya lagi, "Aku mempunyai yang lain". Baginda menjawab, "Sedekahkanlah kepada keluargamu". Katanya lagi, "Aku masih mempunyai yang lain". Baginda menjawab "Berikanlah kepada pembantumu." Katanya lagi "Aku masih mempunyai yang lain. Baginda menjawab "Kamu lebih tahu tentang wang itu?"*.

Dalam hadis tersebut, seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai penggunaan hartanya. Baginda SAW menjawab agar harta tersebut dibelanjakan terlebih dahulu untuk dirinya, kemudian untuk anaknya, seterusnya untuk keluarganya, dan seterusnya untuk pembantunya. Hadis ini jelas menunjukkan keutamaan pemberian nafkah kepada anak-anak berbanding pihak lain.

Kewajipan seorang bapa untuk menyediakan nafkah kepada isteri dan anak-anaknya adalah tanggungjawab yang besar sehingga para fuqaha bersepakat bahawa pihak qadhi berhak campur tangan sekiranya suami atau bapa gagal menunaikan kewajipan tersebut. Menurut Imam al-

Sarakhsiy (1993) dalam mazhab Hanafi, seorang suami wajib memberikan nafkah kepada isterinya dan seorang bapa wajib memberikan nafkah kepada anaknya yang masih kecil. Sekiranya suami atau bapa berkemampuan tetapi enggan menunaikan kewajipan nafkah, qadhi berhak memaksa pelaksanaannya, termasuk dengan hukuman penjara. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak tersebut benar-benar tidak berkemampuan, maka paksaan tidak boleh dikenakan, namun kewajipan nafkah tetap kekal sebagai tanggungjawab moral dan syarie.

Dalam mazhab Maliki pula, menurut Imam al-Khurshiy (1997), sekiranya seorang suami tidak mampu memberikan nafkah kepada isterinya, maka isteri berhak menuntut pembubaran perkahwinan melalui fasakh. Pendekatan ini menunjukkan penekanan mazhab Maliki terhadap perlindungan hak isteri dan anak-anak daripada terus berada dalam keadaan terabai. Sementara itu, dalam mazhab Syafi'i, Imam al-Nawawi (2000) menjelaskan bahawa isu penguatkuasaan nafkah dibahagikan kepada dua pandangan. Menurut pandangan yang rajih, sekiranya suami berkemampuan tetapi enggan memberikan nafkah, isteri tidak berhak menuntut fasakh, sebaliknya boleh menuntut hak nafkahnya melalui perintah qadhi.

Selain itu, Imam al-Mawardi (1999) berpandangan bahawa qadhi mempunyai kuasa untuk menjual harta milik suami bagi melunaskan tanggungjawab nafkah. Sekiranya suami tidak memiliki harta, qadhi boleh memenjarakannya sehingga dia bersetuju untuk menunaikan kewajipan nafkah tersebut. Pandangan ini turut dipersetujui oleh sebahagian ulama lain dan merupakan satu lagi pandangan dalam mazhab Syafi'i berkaitan mekanisme penguatkuasaan nafkah terhadap suami.

PENGABAIAAN NAFKAH ANAK MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM

Menurut undang-undang Syariah yang berkuat kuasa di Malaysia, nafkah anak merupakan hak asasi anak yang wajib dipenuhi oleh bapa. Kegagalan menunaikan tanggungjawab ini bukan sahaja menyalahi tuntutan syarak, malah boleh membawa kepada tindakan undang-undang. Dalam konteks pengabaian nafkah anak, Mahkamah Syariah memainkan peranan penting dalam memastikan keadilan ditegakkan serta kebajikan dan kepentingan terbaik kanak-kanak sentiasa dilindungi (Nizam,et.al, 2023).

Dari sudut perundangan, istilah pengabaian merujuk kepada keadaan keingkaran terhadap kewajipan yang ditetapkan oleh undang-undang. Dalam istilah bahasa Inggeris, pengabaian dikaitkan dengan konsep *default*, iaitu kegagalan seseorang untuk melaksanakan kewajipan yang diwajibkan oleh undang-undang atau mematuhi perintah mahkamah. Dalam konteks penghakiman, keingkaran ini dikenali sebagai penghakiman ingkar, iaitu ketidakpatuhan terhadap perintah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah. Tafsiran terhadap konsep keingkaran ini lazimnya dibuat berdasarkan kaedah *Literal Rule*, iaitu kaedah pentafsiran harafiah yang memberi makna biasa dan jelas terhadap perkataan yang digunakan dalam peruntukan undang-undang (Noor Aziah, 2004).

Pengabaian pembayaran nafkah anak merujuk kepada keengganan atau kegagalan pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pembayaran nafkah sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah Syariah. Apabila suatu perintah nafkah anak telah dikeluarkan oleh mahkamah, kegagalan mematuhi perintah diklasifikasikan sebagai suatu bentuk keingkaran terhadap perintah.

mahkamah. Dalam hal ini, pihak yang gagal mematuhi perintah tersebut dikenali sebagai Penghutang Penghakiman, manakala pihak yang berhak menerima nafkah dikenali sebagai Pemiutang Penghakiman. Mahkamah Syariah berkuasa mengeluarkan perintah bagi mengarahkan Penghutang Penghakiman melunaskan tunggakan nafkah anak, sementara Pemiutang Penghakiman bertanggungjawab merekodkan bayaran nafkah bagi tujuan pengesanan dan pengiraan tunggakan yang berlaku (Nasohah, Z., et.al, 2011).

Peruntukan berkaitan nafkah anak telah diperincikan dengan jelas dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, yang memperuntukkan sembilan seksyen khusus berhubung nafkah anak. Peruntukan yang sama turut wujud dalam enakmen undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri lain di Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa undang-undang keluarga Islam memberikan penekanan yang serius terhadap pemeliharaan kebajikan anak, selaras dengan tuntutan syarak. Sebagaimana dinyatakan dalam peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, Seksyen 73 (1):

“Seksyen 73. (1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan mana-mana orang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pendidikan sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

(2) Kecuali sebagaimana yang disebut terdahulu, adalah menjadi kewajipan seseorang yang bertanggungjawab di bawah Hukum Syarak untuk menanggung nafkah atau memberikan sumbangan kepada nafkah kanak-kanak jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat bapanya tidak berupaya menanggung nafkah mereka.”

Seksyen 73(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 memperuntukkan bahawa seseorang lelaki adalah bertanggungjawab menanggung nafkah anaknya, sama ada anak tersebut berada di bawah jagaannya atau jagaan pihak lain, dengan menyediakan tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pendidikan yang munasabah mengikut kemampuan serta taraf kehidupannya, atau dengan membayar kos keperluan tersebut.

Selain itu, Seksyen 73(2) memperuntukkan bahawa sekiranya bapa telah meninggal dunia, tidak diketahui keberadaannya atau tidak berupaya menanggung nafkah, maka tanggungjawab tersebut boleh dipikul oleh pihak lain yang bertanggungjawab menurut hukum syarak. Ini termasuk waris usul seperti bapa kepada bapa dan seterusnya. Peruntukan ini memperlihatkan bahawa kewajipan nafkah anak tidak terhad kepada bapa semata-mata, sebaliknya boleh diperluaskan kepada pihak-pihak lain yang bertanggungjawab menurut hukum syarak.

Secara keseluruhan, peruntukan undang-undang keluarga Islam menegaskan bahawa kewajipan nafkah anak meliputi keperluan asas seperti tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pendidikan, sama ada anak berada di bawah jagaan bapa atau jagaan pihak lain seperti ibu, nenek atau penjaga yang sah. Dalam amalan, keperluan-keperluan tersebut lazimnya ditentukan dalam

bentuk pembayaran wang ringgit bagi merangkumi keseluruhan keperluan nafkah anak, tertakluk kepada kemampuan dan taraf kehidupan pihak yang bertanggungjawab.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan kualitatif dan kuantitatif. Data kuantitatif diperoleh melalui pengedaran borang soal selidik kepada seramai 50 orang responden lelaki yang hadir di Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Pemilihan responden dibuat bagi mendapatkan gambaran berkaitan pengalaman dan pemahaman mereka terhadap isu nafkah anak. Selain itu, data kualitatif dikumpulkan melalui penelitian dokumen, khususnya terhadap 30 fail kes tuntutan nafkah anak di Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga yang dipilih secara rawak.


Kajian ini menumpukan kepada analisis latar belakang demografi responden, tahap pemahaman mereka terhadap konsep dan kewajipan nafkah anak, kemampuan kewangan dalam menunaikan nafkah, serta kebarangkalian berlakunya pengabaian pembayaran nafkah anak. Pendekatan gabungan ini membolehkan kajian memperoleh data yang lebih komprehensif dan mendalam bagi memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada pengabaian nafkah anak dalam konteks Mahkamah Syariah Negeri Melaka.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Demografi Responden

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden berada dalam lingkungan umur 18 hingga 29 tahun, iaitu sebanyak 42%, diikuti oleh responden berusia antara 30 hingga 40 tahun yang merangkumi 28%. Dapatan ini menunjukkan bahawa golongan dewasa muda merupakan kelompok terbesar yang hadir ke Mahkamah Syariah Negeri Melaka berkaitan isu rumah tangga, termasuk tuntutan nafkah anak. Secara khusus, kajian mendapati bahawa kebanyakan responden yang terlibat dalam permasalahan rumah tangga berada dalam lingkungan umur 18 hingga 24 tahun.


Keadaan ini berkemungkinan berkait rapat dengan faktor kestabilan ekonomi pada peringkat awal perkahwinan. Pada usia tersebut, kebanyakan individu masih berada dalam fasa awal pembentukan kerjaya dan belum mencapai kestabilan kewangan yang kukuh. Ketidakstabilan ekonomi ini berpotensi menyumbang kepada tekanan rumah tangga serta menjejaskan keupayaan individu untuk menunaikan tanggungjawab nafkah, khususnya terhadap anak-anak. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor umur dan kedudukan ekonomi awal perkahwinan mempunyai hubungan yang signifikan dengan permasalahan nafkah anak.



Rajah 1 : Taburan Responden Mengikut Lapisan Umur
(Sumber: Borang Soal selidik)

Dari segi pendapatan, hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden (32%) mempunyai pendapatan bulanan antara RM1001 hingga RM3000, manakala 26% responden memperoleh pendapatan di bawah RM1000 sebulan. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden berada dalam kategori pendapatan rendah hingga sederhana.

Keadaan tahap pendapatan ini didapati mempunyai kaitan yang rapat dengan isu pengabaian nafkah anak. Pendapatan yang rendah berpotensi menghadkan keupayaan kewangan responden untuk menampung keperluan asas anak-anak, terutamanya dalam konteks peningkatan kos sara hidup. Faktor ini secara tidak langsung boleh menyumbang kepada kegagalan atau keengganan responden dalam menunaikan kewajipan nafkah anak, sekali gus meningkatkan risiko berlakunya pengabaian nafkah.




Rajah 2 : Taburan responden mengikut pendapatan
(Sumber: Borang Soal selidik)

Berdasarkan analisis terhadap latar belakang pekerjaan responden, kajian mendapati bahawa 30% responden bekerja di sektor kerajaan, diikuti oleh 26% responden yang bekerja di sektor swasta, manakala 24% responden bekerja sendiri. Selebihnya terdiri daripada responden yang bekerja dalam sektor lain.

Taburan pekerjaan responden menunjukkan bahawa latar belakang pekerjaan merupakan antara faktor yang berpotensi mempengaruhi permasalahan rumah tangga, termasuk isu pengabaian nafkah anak. Perbezaan jenis pekerjaan antara suami dan isteri, seperti tahap pendapatan, kestabilan pekerjaan dan waktu kerja, boleh menyumbang kepada tekanan dalam kehidupan berumah tangga serta meningkatkan risiko konflik perkahwinan.

Selain itu, jenis pekerjaan juga berkemungkinan mempengaruhi tahap pengetahuan dan kesedaran individu terhadap saluran penyelesaian masalah yang disediakan, khususnya melalui institusi perundangan. Responden yang bekerja di sektor kerajaan lazimnya mempunyai akses maklumat dan pendedahan yang lebih baik terhadap prosedur serta institusi rujukan seperti Mahkamah Syariah dan Bahagian Sokongan Keluarga, berbanding responden daripada sektor lain. Keadaan ini boleh mempengaruhi kecenderungan mereka untuk mendapatkan penyelesaian secara formal dan sah terhadap permasalahan rumah tangga yang dihadapi.




Rajah 3: Taburan responden mengikut lapisan pekerjaan
(Sumber: Borang Soal selidik)

Dari segi tahap pendidikan, dapatan kajian menunjukkan bahawa 44% responden mempunyai tahap pendidikan setakat sekolah menengah. Seterusnya, 26% responden memiliki kelayakan pendidikan di peringkat diploma atau ijazah, manakala selebihnya terdiri daripada responden yang mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah dan lain-lain kelayakan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan berpotensi mempengaruhi permasalahan rumah tangga yang dihadapi oleh responden, termasuk isu pengabaian nafkah anak. Responden yang mempunyai tahap pendidikan pertengahan, khususnya setakat sekolah menengah, didapati lebih dominan dalam kalangan mereka yang terlibat dengan permasalahan rumah tangga. Keadaan ini berkemungkinan berpunca daripada keterbatasan pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus konflik perkahwinan serta kefahaman terhadap tanggungjawab undang-undang berkaitan nafkah anak.

Sebaliknya, responden yang mempunyai tahap pendidikan lebih tinggi, seperti diploma dan ijazah, berkemungkinan memiliki tahap kesedaran yang lebih baik terhadap hak dan kewajipan dalam perkahwinan serta mekanisme penyelesaian yang disediakan oleh institusi berkaitan. Manakala responden yang berpendidikan rendah pula didapati berada dalam peratusan yang lebih kecil, yang berkemungkinan disebabkan oleh kekurangan pengetahuan mengenai saluran aduan dan rujukan yang sesuai, sekali gus menyebabkan mereka kurang tampil untuk mendapatkan penyelesaian secara formal melalui Mahkamah Syariah.



Rajah 4 : Taburan responden mengikut tahap pendidikan
(Sumber: Borang Soal selidik)


Tahap Pemahaman Terhadap Nafkah Anak

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman responden terhadap kewajipan nafkah anak adalah tinggi. Sebanyak 88% responden sangat bersetuju bahawa pemberian nafkah kepada anak merupakan suatu kewajipan yang mesti ditunaikan oleh bapa. Selain itu, 66% responden bersetuju bahawa kewajipan nafkah anak tetap berterusan walaupun selepas berlakunya perceraian. Kajian ini juga mendapati bahawa 36% responden sangat bersetuju bahawa kegagalan membayar nafkah anak merupakan suatu bentuk penghinaan terhadap mahkamah.

Walaupun dapatan menunjukkan tahap pemahaman responden terhadap kewajipan nafkah anak adalah tinggi, isu pengabaian nafkah anak masih berterusan. Keadaan ini menunjukkan bahawa pemahaman secara umum terhadap konsep nafkah tidak semestinya diterjemahkan kepada pematuhan terhadap perintah Mahkamah Syariah. Hal ini berkemungkinan berpunca daripada kekeliruan responden terhadap implikasi undang-undang yang lebih serius akibat pengabaian nafkah, khususnya berkaitan tindakan penguatkuasaan dan kesan keingkaran terhadap perintah mahkamah.

Selain itu, dapatan ini turut mencadangkan wujudnya jurang antara pengetahuan normatif dan amalan sebenar dalam kalangan responden. Walaupun mereka menyedari kewajipan nafkah dari sudut agama dan moral, aspek pematuhan undang-undang dan kesan perundangan terhadap pengabaian nafkah mungkin belum difahami secara menyeluruh. Justeru, keadaan ini menekankan keperluan untuk memperkukuh pendidikan undang-undang serta kesedaran masyarakat mengenai


implikasi pengabaian nafkah anak, khususnya melalui peranan Mahkamah Syariah dan agensi sokongan berkaitan.




Rajah 5: Tahap Kefahaman Responden berkenaan nafkah anak
(Sumber: Borang Soal selidik)

Kemampuan Responden dalam Menyediakan Nafkah Anak

Kajian terhadap perbelanjaan bulanan responden bagi menilai segi kemampuan kewangan telah mendapati 50% responden bersetuju bahawa mereka mampu menyediakan nafkah anak, manakala 36% sangat bersetuju. Namun, kemampuan untuk menyediakan nafkah selepas perceraian menunjukkan perbezaan yang ketara, yang mana hanya 26% responden sangat bersetuju bahawa mereka mampu menyediakan nafkah walaupun selepas berkahwin semula. Oleh itu, pengkaji mendapati ini merupakan antara faktor-faktor pengabaian nafkah iaitu kos sara hidup yang tinggi dan pendapatan yang rendah,



Rajah 6 :Tahap Pembelanjaan Bulanan Responden
(Sumber: Borang Soal selidik)



Rajah 7 :Tahap Pembelanjaan Bulanan Responden
(Sumber: Borang Soal selidik)


Kebarangkalian Pengabaian Nafkah Anak

Berdasarkan analisis terhadap perbelanjaan bulanan responden bagi menilai tahap kemampuan kewangan, kajian mendapati bahawa 50% responden bersetuju bahawa mereka mampu menyediakan nafkah anak, manakala 36% responden sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden merasakan mereka mempunyai keupayaan kewangan untuk menunaikan kewajipan nafkah anak secara umum.

Walau bagaimanapun, tahap kemampuan untuk menyediakan nafkah anak selepas perceraian menunjukkan perbezaan yang ketara. Kajian mendapati bahawa hanya 26% responden sangat bersetuju bahawa mereka masih mampu menyediakan nafkah anak selepas berkahwin semula, manakala selebihnya menunjukkan tahap persetujuan yang lebih rendah.

Perbezaan dapatan antara kemampuan menyediakan nafkah secara umum dan kemampuan selepas perceraian, khususnya selepas berkahwin semula, menunjukkan bahawa perubahan status perkahwinan memberi kesan langsung terhadap keupayaan kewangan responden. Keadaan ini berkemungkinan dipengaruhi oleh pertambahan komitmen baharu, termasuk tanggungan keluarga baharu, yang seterusnya menjejaskan keutamaan pemberian nafkah kepada anak daripada perkahwinan terdahulu.

Selain itu, faktor kos sara hidup yang semakin meningkat serta tahap pendapatan yang rendah atau tidak stabil turut dikenal pasti sebagai antara penyumbang utama kepada pengabaian nafkah anak. Walaupun responden merasakan mereka mampu menyediakan nafkah dalam keadaan tertentu, realiti kewangan selepas perceraian menunjukkan cabaran yang lebih besar untuk mengekalkan komitmen tersebut secara konsisten. Dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa faktor ekonomi merupakan antara punca signifikan yang menyumbang kepada pengabaian nafkah anak, walaupun kewajipan tersebut difahami dari sudut agama dan undang-undang.



Rajah 8: Tahap Kebarangkalian Pengabaian Nafkah

(Sumber: Borang Soal selidik)

ANALISIS FAKTOR-FAKTOR PENGABAIAN NAFKAH ANAK

Kos Sara Hidup yang Tinggi

Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kos sara hidup yang semakin meningkat merupakan antara penyumbang utama kepada kegagalan menunaikan nafkah anak. Dapatan kajian mendapati bahawa 50% responden sangat bersetuju bahawa tekanan kewangan akibat kos sara hidup yang tinggi menjadi punca utama mereka gagal melaksanakan tanggungjawab nafkah anak.

Dapatan ini menunjukkan bahawa peningkatan kos sara hidup memberi kesan langsung terhadap keupayaan kewangan bapa, khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Dalam keadaan tersebut, bapa terpaksa membuat pertimbangan kewangan antara memenuhi keperluan diri sendiri dan keluarga baharu selepas perceraian dengan kewajipan nafkah terhadap anak-anak daripada perkahwinan terdahulu. Konflik keutamaan kewangan ini berpotensi menyebabkan pengabaian nafkah anak, walaupun kewajipan tersebut difahami dari sudut agama dan undang-undang.

Selain itu, kos sara hidup juga didapati berbeza mengikut lokasi tempat tinggal bapa. Perbezaan kos per kapita antara negeri-negeri menyebabkan tekanan kewangan yang dialami oleh responden tidak bersifat seragam. Bapa yang menetap di kawasan dengan kos sara hidup yang lebih tinggi berdepan cabaran yang lebih besar dalam menunaikan kewajipan nafkah anak secara konsisten. Keadaan ini menunjukkan bahawa faktor ekonomi bersifat kontekstual dan perlu diberi perhatian dalam merangka mekanisme penilaian dan penguatkuasaan nafkah anak yang lebih realistik dan adil.

Pendapatan Rendah

Hasil kajian menunjukkan bahawa pendapatan yang rendah merupakan salah satu faktor signifikan yang menyumbang kepada pengabaian nafkah anak. Dapatan kajian mendapati bahawa 48% responden menyatakan masalah kewangan yang serius telah menghalang mereka daripada menunaikan kewajipan pembayaran nafkah anak. Dapatan ini mencerminkan tahap tekanan ekonomi yang dihadapi oleh sebahagian besar responden dalam kajian ini.

Dapatan ini menunjukkan bahawa ketidakstabilan pendapatan, khususnya dalam kalangan responden yang bekerja sendiri atau di sektor swasta, merupakan cabaran utama dalam memastikan pembayaran nafkah anak dilaksanakan secara konsisten. Pendapatan yang tidak menentu menyukarkan perancangan kewangan jangka panjang, sekali gus menjejaskan keupayaan bapa untuk memenuhi kewajipan nafkah anak, terutamanya selepas perceraian.

Dalam konteks ini, sokongan kewangan daripada institusi-institusi kebajikan Islam seperti Baitulmal dan zakat dilihat sebagai mekanisme penting bagi membantu golongan bapa yang benar-benar terjejas akibat kekangan ekonomi. Pengukuhan peranan institusi-institusi tersebut berpotensi mengurangkan risiko pengabaian nafkah anak, khususnya dalam kes-kes yang melibatkan

pendapatan rendah atau tidak stabil, di samping memastikan kebajikan anak-anak terus terpelihara selaras dengan tuntutan syarak dan objektif keadilan sosial.

Komitmen Baru

Hasil kajian menunjukkan bahawa perkahwinan semula merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada pengabaian nafkah anak. Dapatan kajian mendapati bahawa 42% responden bersetuju bahawa perkahwinan semula menjadi punca utama mereka mengabaikan pembayaran nafkah anak daripada perkahwinan terdahulu. Dapatan ini menunjukkan bahawa perubahan status perkahwinan memberi kesan terhadap keutamaan kewangan dan tanggungjawab responden.

Dapatan ini mencadangkan bahawa pertambahan tanggungjawab terhadap isteri dan keluarga baharu selepas perkahwinan semula berpotensi menjejaskan keupayaan bapa untuk menunaikan kewajipan nafkah terhadap anak-anak daripada perkahwinan terdahulu. Beban kewangan menjadi lebih besar, terutamanya apabila perkahwinan baharu melibatkan pasangan yang juga mempunyai anak daripada perkahwinan sebelumnya, sekali gus meningkatkan jumlah tanggungan yang perlu disara.

Walaupun dari sudut prinsip hukum syarak, tanggungjawab menanggung nafkah anak daripada perkahwinan baharu adalah kewajipan bapa kandung anak tersebut, realiti sosial menunjukkan wujud situasi yang lebih kompleks, seperti perkahwinan dengan balu yang mempunyai anak yatim. Dalam keadaan sedemikian, walaupun ayah tiri tidak memikul kewajipan nafkah secara asal menurut hukum syarak, tanggungjawab moral dan kebajikan terhadap anak-anak tersebut sering kali menambah tekanan kewangan kepada bapa. Keadaan ini secara tidak langsung boleh menjejaskan keutamaan pembayaran nafkah anak kandung daripada perkahwinan terdahulu. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor perkahwinan semula perlu diberi perhatian serius dalam merangka pendekatan penguatkuasaan dan sokongan nafkah anak yang lebih menyeluruh dan realistik.

Konflik dan Pertelingkahan Berpanjangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa konflik berpanjangan antara bekas suami dan isteri merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada pengabaian nafkah anak. Dapatan kajian mendapati bahawa 36% responden bersetuju bahawa pertelingkahan yang berterusan selepas perceraian menyebabkan mereka enggan atau gagal menunaikan pembayaran nafkah anak. Dapatan ini menunjukkan bahawa hubungan interpersonal antara bekas pasangan masih memberi kesan terhadap pematuhan kewajipan nafkah walaupun perintah mahkamah telah dikeluarkan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa konflik emosi dan pertelingkahan yang tidak diselesaikan antara bekas suami dan isteri berpotensi menjejaskan pelaksanaan tanggungjawab nafkah anak. Dalam sesetengah kes, tindakan bekas isteri yang menghalang akses bapa terhadap anak sering dijadikan alasan oleh pihak bapa untuk tidak menunaikan kewajipan nafkah. Keadaan ini mencerminkan bagaimana isu peribadi antara bekas pasangan boleh berlanjutan sehingga memberi kesan negatif terhadap kebajikan anak-anak.

Selain itu, konflik yang berpanjangan turut mendorong berlakunya tindakan balas antara kedua-dua pihak. Terdapat situasi di mana bekas isteri menuntut bayaran nafkah yang tinggi dan tidak munasabah dengan tujuan untuk menyusahkan bekas suami, manakala pihak suami pula bertindak balas dengan enggan membayar nafkah anak. Dinamika konflik ini bukan sahaja mencetuskan ketidakpatuhan terhadap perintah mahkamah, malah mewujudkan suasana pasca perceraian yang tidak harmoni dan merugikan kepentingan terbaik anak.

Dalam konteks Islam, perceraian dianjurkan untuk dilakukan dengan cara yang baik bagi mengelakkan kemudaratannya berpanjangan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 229 menegaskan bahawa perceraian hendaklah dilakukan sama ada dengan rujuk secara baik atau berpisah dengan cara yang baik. Prinsip ini menekankan keperluan mengekalkan hubungan yang berhemah selepas perceraian demi menjaga kebajikan anak-anak. Kegagalan mempraktikkan prinsip ini berpotensi menjejaskan perkembangan emosi dan kesejahteraan anak, terutamanya apabila konflik ibu bapa berlarutan dan diterjemahkan melalui pengabaian nafkah.

Kurangnya Kesedaran dan Tindakan Undang-Undang

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran terhadap kepentingan pembayaran nafkah anak serta keberkesanan tindakan undang-undang masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Dapatan kajian mendapati bahawa 34% responden bersetuju bahawa ketiadaan atau kelemahan tindakan undang-undang terhadap bapa yang mengabaikan nafkah anak menyebabkan mereka tidak mengambil serius tanggungjawab tersebut.

Dapatan ini menunjukkan bahawa kelemahan dalam aspek kesedaran undang-undang dan penguatkuasaan perintah nafkah menyumbang kepada berlakunya pengabaian nafkah anak. Sebahagian responden didapati mempunyai salah faham bahawa kewajipan nafkah anak terhenti apabila perkahwinan berakhir dan apabila mereka tidak lagi tinggal bersama anak-anak. Kefahaman yang keliru ini mencerminkan kekurangan pengetahuan mengenai hak anak dan tanggungjawab bapa yang kekal berterusan walaupun selepas perceraian.

Selain itu, persepsi bahawa tiada tindakan undang-undang yang tegas diambil terhadap pihak yang ingkar turut melemahkan pematuan terhadap perintah nafkah. Keadaan ini menunjukkan bahawa sistem penguatkuasaan nafkah anak di Malaysia masih memerlukan penambahbaikan agar lebih efektif dan berkesan, khususnya dari segi mekanisme pemantauan, pelaksanaan perintah dan tindakan terhadap keingkaran. Pengukuhan peranan Mahkamah Syariah serta agensi sokongan seperti Bahagian Sokongan Keluarga amat penting bagi memastikan bapa menunaikan tanggungjawab nafkah anak secara konsisten dan demi melindungi kebajikan kanak-kanak sebagai pihak yang paling terkesan.


Faktor-faktor lain.

Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 7% responden menyatakan faktor-faktor lain turut menyumbang kepada pengabaian nafkah anak. Faktor-faktor tersebut merangkumi keadaan bapa yang berada di luar kawalan mereka, seperti mengalami kecacatan fizikal sama ada sebelum atau selepas perceraian. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa bapa yang berada dalam

tahanan penjara turut tergolong dalam kategori yang tidak mampu menunaikan kewajipan pembayaran nafkah anak.

Dapatan ini menunjukkan bahawa pengabaian nafkah anak tidak semestinya berpunca daripada keengganan atau sikap tidak bertanggungjawab semata-mata, sebaliknya turut dipengaruhi oleh keadaan luar jangka yang menjejaskan keupayaan fizikal dan ekonomi bapa. Kecacatan fizikal yang dialami oleh bapa boleh menyebabkan kehilangan keupayaan untuk bekerja dan menjana pendapatan, sekali gus menjejaskan kemampuan mereka untuk menyediakan nafkah anak.

Selain itu, situasi bapa yang berada dalam tahanan penjara juga meletakkan mereka dalam keadaan tidak berupaya untuk memenuhi kewajipan nafkah secara langsung. Faktor-faktor ini menuntut pendekatan yang berbeza dalam menangani isu pengabaian nafkah anak, khususnya melalui mekanisme sokongan alternatif seperti bantuan kebajikan, peranan waris yang bertanggungjawab menurut hukum syarak, serta penglibatan institusi seperti Baitulmal dan zakat. Justeru, faktor-faktor luar kawalan ini perlu dikenal pasti dan diteliti secara menyeluruh bagi memastikan penyelesaian yang lebih adil dan berkesan dapat dilaksanakan, tanpa menjejaskan kebajikan dan kepentingan terbaik anak-anak.



Rajah 9: Faktor Pengabaian Nafkah Anak
(Sumber: Fail-fail kes SBSK)

IMPLIKASI PENGABAIAAN NAFKAH ANAK

Pengabaian nafkah anak membawa implikasi yang serius bukan sahaja terhadap anak-anak yang terlibat, malah turut memberi kesan kepada kesejahteraan keluarga dan masyarakat secara keseluruhan. Anak-anak yang gagal menerima nafkah yang mencukupi berisiko menghadapi kekurangan dalam memenuhi keperluan asas kehidupan seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Kekurangan ini berpotensi menjejaskan perkembangan

mental, emosi dan sosial kanak-kanak, sekali gus memberi kesan jangka panjang terhadap kualiti hidup mereka.

Selain itu, pengabaian nafkah anak turut menyumbang kepada ketidakstabilan institusi keluarga dan keharmonian sosial. Kegagalan menunaikan tanggungjawab nafkah boleh mencetuskan konflik berpanjangan antara bekas suami dan isteri, yang akhirnya memberi kesan negatif terhadap hubungan kekeluargaan dan persekitaran sosial anak-anak. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan individu, malah boleh meningkatkan beban sosial kepada masyarakat dan institusi kebajikan.

Dari perspektif perundangan, pengabaian nafkah anak juga mencerminkan kelemahan dalam aspek penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah. Kegagalan memastikan pematuhan terhadap perintah nafkah menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh mekanisme penguatkuasaan yang lebih berkesan dan menyeluruh. Oleh itu, penambahbaikan terhadap sistem penguatkuasaan nafkah anak adalah penting bagi menjamin keadilan, melindungi kebajikan kanak-kanak, serta menegakkan autoriti dan kredibiliti Mahkamah Syariah.

CADANGAN PENYELESAIAN

Penguatkuasaan Undang-Undang

Bagi menangani isu pengabaian nafkah anak secara berkesan, penguatkuasaan undang-undang sedia ada perlu diperkukuhkan. Mahkamah Syariah wajar diberikan kuasa yang lebih luas dan efektif untuk mengambil tindakan tegas terhadap bapa yang gagal atau enggan menunaikan kewajipan nafkah anak (Haji Arifin, et.al, 2017). Antara langkah yang boleh dipertimbangkan termasuklah penyitaan aset, sekatan perjalanan seperti penahanan passport, serta pelaksanaan perintah lain yang bersifat pencegahan dan pemaksa sehingga tunggakan nafkah dapat dilunaskan sepenuhnya.

Selain itu, peranan Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (SBSK) yang diwujudkan di Mahkamah Syariah perlu terus diperkasa. SBSK berfungsi sebagai mekanisme sokongan penting dalam proses penguatkuasaan perintah nafkah melalui peranan bailif dan pegawai berkaitan, khususnya dalam membawa Penghutang Penghakiman ke muka pengadilan bagi memastikan pematuhan terhadap perintah mahkamah. Penglibatan aktif SBSK bukan sahaja dapat mempercepatkan penyelesaian kes tunggakan nafkah anak, malah berpotensi meningkatkan keberkesanan sistem penguatkuasaan serta melindungi kebajikan anak-anak yang terkesan akibat pengabaian nafkah.

Pendidikan dan Kesedaran Awam

Pendidikan dan peningkatan kesedaran awam mengenai kepentingan pembayaran nafkah anak perlu diberi penekanan yang lebih menyeluruh. Usaha ini boleh dilaksanakan melalui pelbagai medium seperti program kemasyarakatan, ceramah keagamaan dan kempen media yang menekankan kewajipan bapa dalam menunaikan tanggungjawab nafkah terhadap anak-anak. Tahap kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan masyarakat berpotensi membantu mengurangkan kes pengabaian nafkah anak serta membentuk sikap tanggungjawab yang lebih kukuh dalam kalangan ibu bapa.

Selain itu, Jabatan Agama Negeri disarankan agar memberikan penekanan khusus berkaitan kewajipan nafkah anak ke atas bapa sejak peringkat awal proses permohonan kebenaran perkahwinan. Pendedahan awal ini penting bagi memastikan bakal suami dan isteri memahami hak dan tanggungjawab masing-masing dalam institusi perkahwinan. Di samping itu, pihak berautoriti juga perlu memberikan maklumat yang jelas kepada ibu berhubung langkah-langkah dan saluran tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku kecuai atau pengabaian dalam pembayaran nafkah anak. Kefahaman yang menyeluruh dalam kalangan kedua-dua pihak adalah penting bagi memastikan amanah dan tanggungjawab sebagai ibu bapa dapat dilaksanakan demi kepentingan dan kebajikan anak-anak.

Bantuan Kewangan daripada Institusi Berkaitan

Bagi bapa yang benar-benar berdepan dengan kekangan kewangan, bantuan daripada institusi kebajikan Islam seperti Baitulmal dan Pusat Zakat perlu diperluas serta diperkukuhkan. Program bantuan ini berperanan penting dalam memastikan kebajikan anak-anak terus terpelihara dan keperluan nafkah dapat dipenuhi, meskipun bapa berada dalam keadaan tidak berupaya sepenuhnya untuk menunaikan tanggungjawab tersebut akibat faktor ekonomi atau keuzuran tertentu.

Selain itu, Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (SBSK) di Mahkamah Syariah turut memainkan peranan signifikan melalui penyediaan dana khas dalam bentuk wang amanah. Dana ini digunakan bagi membantu ibu-ibu yang menghadapi masalah tunggakan nafkah anak setelah perintah nafkah terdahulu dikeluarkan oleh mahkamah. Melalui mekanisme ini, pembayaran nafkah akan didahulukan kepada pihak ibu dan anak, sebelum tuntutan semula dibuat ke atas pihak bapa melalui kaedah *hiwalah*. Sekiranya bapa gagal melunaskan bayaran semula tunggakan nafkah tersebut, beliau boleh didakwa sebagai Penghutang Penghakiman di Mahkamah Syariah. Pendekatan ini bukan sahaja menjamin kebajikan anak-anak, malah memperkukuh sistem penguatkuasaan nafkah secara lebih adil dan berkesan.

Penubuhan Dana Khas Nafkah Anak

Kerajaan atau institusi berkaitan disarankan untuk mempertimbangkan penubuhan dana khas yang bertujuan menampung keperluan nafkah anak-anak yang terabai. Dana ini boleh dimanfaatkan bagi menyelesaikan isu tunggakan nafkah anak serta menyediakan bantuan sementara kepada anak-anak yang terjejas sementara menunggu penyelesaian melalui tindakan undang-undang terhadap pihak bapa yang ingkar.

Walaupun sedia ada peruntukan dana khas kepada Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (SBSK) daripada kerajaan negeri, jumlah tersebut didapati masih belum mencukupi untuk menampung keseluruhan keperluan pembayaran nafkah anak yang tertunggak dalam kalangan masyarakat yang memerlukan. Oleh itu, penubuhan dana khas yang lebih menyeluruh adalah wajar bagi memastikan kebajikan anak-anak terus terpelihara tanpa bergantung sepenuhnya kepada keupayaan kewangan bapa.

Selain itu, dana yang dicadangkan ini bersifat bantuan kebajikan dan bukan sebagai hutang yang perlu ditanggung semula oleh pihak bapa. Pendekatan ini dapat menjamin kepentingan terbaik kanak-kanak sebagai keutamaan utama, di samping mengurangkan beban kewangan dan emosi yang ditanggung oleh ibu serta anak-anak akibat kelewatan atau kegagalan pembayaran nafkah.

Keadilan Mahkamah Syariah Dalam Penentuan Kadar Nafkah

Selain itu, Mahkamah Syariah disarankan agar mengambil pendekatan yang lebih seimbang dan adil terhadap kedua-dua pihak dalam menentukan kadar nafkah anak. Penetapan kadar nafkah tidak seharusnya hanya menumpukan kepada kebajikan dan keperluan anak semata-mata, malah perlu turut mengambil kira tahap kemampuan kewangan pihak bapa sebagai pemberi nafkah. Pendekatan ini penting bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah realistik, adil dan berupaya dilaksanakan secara berterusan tanpa menjerumuskan pihak bapa ke dalam kesempitan kewangan yang melampau.

Prinsip keadilan dalam penentuan nafkah ini selaras dengan tuntutan syarak sebagaimana yang ditegaskan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Talaq ayat 7, yang memerintahkan agar seseorang memberi nafkah mengikut kadar kemampuan yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Ayat ini menegaskan bahawa kewajipan nafkah adalah bersifat fleksibel dan berasaskan keupayaan individu, serta Allah SWT tidak membebankan seseorang melainkan sesuai dengan kemampuan yang diberikan kepadanya. Oleh itu, Mahkamah Syariah wajar mengaplikasikan prinsip ini dalam setiap penilaian dan keputusan berkaitan nafkah anak, agar kebajikan anak terus terpelihara tanpa menafikan keadilan terhadap pihak bapa sebagai penanggung nafkah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa pengabaian nafkah anak merupakan isu yang bersifat kompleks dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang saling berkait. Antara faktor utama yang dikenal pasti termasuk peningkatan kos sara hidup, pendapatan yang rendah atau tidak stabil, pertambahan komitmen baharu selepas perceraian, konflik berpanjangan antara bekas suami dan isteri, serta kelemahan dalam aspek penguatkuasaan undang-undang. Kesemua faktor ini bukan sahaja menjejaskan keupayaan bapa untuk menunaikan kewajipan nafkah, malah memberi implikasi serius terhadap kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yang terlibat.

Oleh itu, usaha menangani isu pengabaian nafkah anak memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu dengan penglibatan pelbagai pihak, termasuk Mahkamah Syariah, institusi agama, agensi sokongan keluarga serta masyarakat secara keseluruhannya. Kerjasama yang berterusan antara pihak-pihak ini amat penting bagi memastikan sistem penguatkuasaan nafkah anak dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan berkeadilan.

Dalam konteks perundangan Islam, Mahkamah Syariah memainkan peranan penting dalam menilai dan menetapkan kadar nafkah anak secara adil kepada kedua-dua pihak, sama ada bapa mahupun ibu. Walaupun secara prinsipnya Islam meletakkan tanggungjawab nafkah anak ke atas bapa, kadar nafkah yang ditetapkan hendaklah mengambil kira tahap kemampuan kewangan bapa, selaras dengan tuntutan syarak yang menegaskan bahawa seseorang tidak dibebankan melebihi kemampuan yang dimilikinya. Justeru, mahkamah perlu meneliti kemampuan bapa secara

menyeluruh sebelum mengeluarkan perintah nafkah, manakala pihak ibu pula disarankan agar bersikap bertimbang rasa dalam menuntut kadar nafkah yang munasabah dan realistik.

Akhirnya, persefahaman dan kerjasama yang harmoni antara ibu dan bapa selepas perceraian merupakan elemen penting dalam menjamin kebajikan dan kesejahteraan anak-anak. Apabila kepentingan terbaik anak dijadikan keutamaan bersama, isu pengabaian nafkah anak dapat dikurangkan dan matlamat keadilan serta kesejahteraan yang dituntut oleh syarak dan undang-undang dapat direalisasikan.

RUJUKAN

- Abdullah, al-Hijazi (1997). *Hasyiyah Al-Syarqawi Ala Tufatil Tullab*:Beirut,Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al- Shiraziy, Abi Ishak Ibrahim Ibn Ali, (1996) *Al-Muhazhab fi Fiqh al-Imam Syafie*: Beirut: Darul Qalam.
- Al-Khurshiy Muhammad bin Abdullah bin Ali,(1997) *Hashiyah al-Khurshiy ala Mukhtasar Saydi Khalil Wa wadaa'na bi asfali al-Safhat Hashiyah al-Sheikh Ali bin Ahmad al-Aduwi*:Beirut;Darul Kutub Islamiyyah.
- Al-Mawardi Abu al-Hassan Ali bin Muhammad bin Habib,(1999), *Al-Hawi al- Kabir fi fiqh Mazhabi al-Imam al-Syafie Wahuwa Syarh Mukhtasar al-Mazna*: Beirut: Darul Kutub Islamiyyah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyah Yahya bin Sharf,(2000) *Raudatul Tolibin*, Beirut: Darul Kutub Islamiyyah.
- Al-Sarakhsyi Syamsudin,(1993) *kitab Al-Mabsut*:Beirut: Darul Makrifah.
- Al-Sayyid Sabiq (1973) *Fiqh Al-Sunah*: Beirut: Dar Al-Kitab Al-Arabiyy.
- Nasohah, Z., & Tapah, S. (2011). Analisis Pelaksanaan Prosiding Saman Penghutang Penghakiman dalam Penguatkuasaan Perintah Pembayaran Nafkah: Kajian Kes Mahkamah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 15, 43.
- Al-Zuhailiy, Wahbah (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa al-Adillah*:Damsyik:Dar al-Fikr.
- Hashim, N. I. I., Yusof, W., & Kusrin, Z. M. (2019). Pengabaian Kanak-Kanak dan Jaminannya Menurut Syarak dan Undang-Undang di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(1), 18-28.
- Ismail, M. H., & Isa, M. A. N. M. (2024). Analisis Item Nafkah Selain Keperluan Asas Dalam Perintah Nafkah. *Malaysian Journal of Law & Society*, 34(1).
- Nizam, N. N. M. N., Asmuri, A. I., Asri, N. S. M., Mazlan, N. H., Rafiee, M. D. D., & Azhar, M. A. S. (2023). Peranan undang-undang Islam dalam membendung gejala sosial dan memelihara institusi keluarga. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 6(1), 40-59.
- Noor Aziah Mohd Awal. (2004) *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Di Malaysia*, Kuala Lumpur: International Law Book Service (ILBS).
- bin Haji Arifin, M. A., Rifin⁸⁹, M., & bin Hashim⁹⁰, J. (2017). Fungsi Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Nafkah Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia: Menurut Perspektif Maqasid Al-Shariah. *Proceedings ISLAC 2017: The Social Harmony Through Islamic Law*, 259.

Ruzmi, S. M., Ab Halim, A. H., & Hashim, F. Y. (2025). *Pemeriksaan Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor Mengikut Undang-Undang Syariah Di Malaysia: Empowerment Of The Family Support Division Of The Selangor State Syariah Judiciary Department Under Syariah Law In Malaysia*. *Malaysian Journal Of Syariah And Law*, 13(2), 428-444.

Sulaiman, F., Bahrom, H., Sulong, C. N., & Awang, H. (2006). Tahap kepatuhan terhadap keputusan mahkamah syariah dalam kes nafkah satu kajian kes.

Statut

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002,